

# Tiada bukti pindah minyak kapal ke kapal

**Doha:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tiada sebarang bukti menunjukkan berlaku pemindahan dari kapal ke kapal membabitkan minyak Iran yang disekat di luar perairan Malaysia.

Perdana Menteri berkata demikian mengulas kebimbangan dibangkitkan Washington berhubung tindakan Iran yang didakwa mereka menggunakan penyedia perkhidmatan Malaysia untuk memindah minyaknya.

“Tiada satu pun bukti menunjukkan berlakunya pemindahan kapal ke kapal... kita tak ada kapasiti untuk memantau atau mengawasi perkara itu,” katanya ketika sesi *In Conversation With the Prime Minister of Malaysia* yang menjadi sebahagian pengisian DEF 2024 dikendalikan Ketua Koresponden Antarabangsa Asia Tenggara Bloomberg Television, Haslinda Amin.

Terdahulu Haslinda membangkitkan mengenai kebimbangan Washington berhubung penyaluran dana dari Asia Tenggara kepada Hamas.

Minggu lalu, seorang pegawai kanan Perbendaharaan

Amerika Syarikat (AS) berkata, negaranya melihat kapasiti Iran untuk memindahkan minyak bergantung pada penyedia perkhidmatan di Malaysia.

Pegawai itu juga berkata, AS cuba menghalang Malaysia daripada menjadi tempat untuk Hamas mengumpul dana dan memindahkan wang.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail turut dilapor bertemu Setiausaha Perbendaharaan bagi Keganasan dan Perisikan Kewangan AS, Brian Nelson dan delegasinya pada 9 Mei lalu susulan perkara itu.

Sementara itu, bercakap kepada wartawan Malaysia pada sidang media bagi mengakhiri siri lawatan beliau ke Qatar, Anwar berkata Malaysia mahu meneroka potensi kerjasama Qatar dalam sektor kecerdasan buatan (AI), sekali gus merebut insentif transformasi digital berjumlah 9 bilion Qatar riyal yang diumumkan negara itu.

Perdana Menteri berkata pengumuman insentif berkenaan amat disambut baik, yang dilihat selari dengan hasrat kerajaan dalam memperkasakan sektor AI di Malaysia.